

# Juin juara Pertandingan Memancing Pesisir Pantai Tamu Gadang UMS Labuan 2016

UB 23.11.2016 B4

**PESERTA** dari Sinapokan, Menumbok, Juin Jinin muncul johan Pertandingan Memancing Pesisir Pantai sempena Pesta Tamu Gadang 2016 Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) 2016 yang diadakan di Pantai UMSKAL pada Sabtu lalu.

Beliau yang berusia 40 tahun menaikkan ikan pari seberat 0.990 kilogram sekaligus meraih hadiah wang tunai sebanyak RM1,000 dan sijil penyertaan.

Naib johan dimenangi Abdul Hamid Jinin dari Kampung Bukit Kalam, Wilayah Persekutuan Labuan dengan ikan Berusak seberat 0.380kg.

Pemancing dari Taman Mutiara, Labuan, Annuar Hamid menduduki tempat ketiga selepas menjinakkan pari seberat 0.320kg.

Kedua-duanya menerima RM500 dan RM300 serta sijil penyertaan.

Seramai 78 peserta dari dalam dan luar Wilayah Persekutuan Labuan menyertai pertandingan itu



**MURNIZAM** menyampaikan hadiah kepada Juin diperhatikan Abdul Hamid dan Annuar Hamid serta Elfieezal Jakol (kiri).

bagi kategori Rod Moden.

Selama enam jam bertarung, peserta berjaya menaikkan 31 jenis ikan termasuk pari, putih, berusak, sebelah serta pari.

Pengarah UMSKAL Prof Madya Dr Murnizam Haji Halik menyampaikan hadiah

kepada pemenang.

Turut hadir ialah penyelaras program Elfieezal Jakol.

Sementara itu, Elfieezal mengucapkan terima kasih kepada penaja pertandingan itu iaitu UMS Link Holdings Sdn Bhd, AJK penyelaras

dan peserta yang menjayakan Pertandingan Memancing Pesisir Pantai Tamu Gadang 2016.

Beliau berharap menerusi pertandingan itu, jalinan kerjasama semua pihak akan dapat diteruskan pada masa akan datang.



**MURNIZAM** bersama pemenang dan AJK Pertandingan Memancing Pesisir Pantai Tamu Gadang UMS Labuan 2016.